

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 13 MAC 2014

SOALAN :

TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap pencerobohan bot Tentera Laut China memasuki perairan *James Shoal* di Laut China Selatan baru-baru ini.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa mengambil berat mengenai keselamatan dan kedaulatan negara di Laut China Selatan. Dalam hubungan ini, sukacita memaklumkan bahawa Pasukan Keselamatan khususnya Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sentiasa melaksanakan rondaan dan pengawasan maritim secara berterusan dalam kawasan perairan negara di Laut China Selatan. Sebagaimana yang diketahui, Laut China Selatan adalah *semi-enclosed sea* yang dituntut oleh beberapa buah negara iaitu Brunei, Republik Rakyat China (RRC) (termasuk Taiwan), Malaysia, Filipina dan Vietnam. Dalam hubungan ini, pendirian negara berhubung dengan tuntutan bertindih di Laut China Selatan adalah:

Pendirian Pertama :

Malaysia berpendirian bahawa pertikaian yang berbangkit daripada tuntutan bertindih di Laut China Selatan wajar diselesaikan secara aman melalui perbincangan, dialog dan perundingan yang melibatkan negara-negara menuntut, atau *Claimant States*;

Pendirian Kedua :

Laut China Selatan dikelolakan *governed* di bawah perundangan antarabangsa khususnya, *United Nations Convention on the Law of the Sea* (UNCLOS) 1982 dan negara-negara yang menuntut telah

menandatangani dan meratifikasi Konvensyen ini. Dengan demikian, Kerajaan berpendirian penyelesaian terbaik kepada pertikaian ini hendaklah berlandaskan undang-undang antarabangsa UNCLOS 1982; dan

Pendirian Ketiga :

Penyelesaian melalui arbitrase atau pihak ketiga boleh dirujuk kepada sebagai contoh Mahkamah Keadilan Antarabangsa atau *International Court of Justice* (ICJ); Tribunal Antarabangsa Mengenai Undang-Undang Laut (*International Tribunal on the Law of the Sea* (ITLOS)) atau mana-mana Tribunal Timbang Tara. Walau bagaimanapun, Kerajaan pada ketika ini tidak bercadang untuk merujuk pertikaian tuntutan bertindih di Laut China Selatan melalui mana-mana pihak ketiga.

Sekian. Terima kasih.